

# PM dijangka kembali ke tanah air Rabu ini

17 JUL 2002

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang sedang belayar di kepulauan Mediterranean, dijangka kembali ke daratan di Napoli esok atau Selasa ini sebelum pulang ke tanah air Rabu ini.

Sumber memberitahu Berita Harian, sejak beberapa hari lalu Perdana Menteri dan rombongan menggunakan bot sewa khas belayar di beberapa pulau di sekitar Napoli. Dr Mahathir dijangka berlepas dari Napoli menggunakan jet eksekutif menerusi Dubai untuk pulang ke negara ini.

“Kebanyakan masa dihabiskan di laut dan kadangkala singgah di daratan sama ada untuk jamuan tengah hari atau makan malam sebelum meneruskan pelayaran ke beberapa pulau.

“Mereka tidur daiam bot dan pada sebelah malam kadangkala menonton televisyen tetapi siarannya kurang jelas apabila angin kencang. Perdana Menteri pula banyak menghabiskan masa membaca buku seperti biasa,” kata sumber itu.

Turut serta ialah doktor peribadi Perdana Menteri, Datuk Dr Zainal Abidin Abdul Hamid serta pembantunya dan seorang tokoh usahawan yang bertanggungjawab mengatur program lawatan sambil bercuti itu, selain pengawal peribadi.

Anak lelaki kedua Perdana Menteri. Datuk Mo-

khzani bersama isteri juga dikatakan menyertai bapanya setelah berlepas ke Napoli malam Khamis lalu.

Dr Mahathir yang berlepas ke Napoli, Itali, Ahad lalu menerusi Dubai dikatakan sihat dan ceria sepanjang percutian itu.

Sementara itu, anak sulung Perdana Menteri, Datin Paduka Marina, berkata ibunya Dr Siti Hasmah cuma sekali menghubunginya setakat ini meskipun kerap berhubung menerusi perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS).

“Ibu cuma menghubungi sekali dan itu pun kerana hendak memesan sesuatu untuk dibawa oleh Mokhzani ke sana (Napoli). Sebenarnya cuti itu sudah dirancang, malah Mokhzani ke sana juga sudah dirancang untuk bersama ayah dan ibu sebelum ini, bukan untuk membawa “pesanan khas,” katanya di sini, hari ini.

Sumber lain pula berkata, kebiasaannya Dr Mahathir tidak mempunyai jadua! khusus apabila belayar terutama di kepulauan sekitar Mediterranean.

“Kalau cuaca baik, mereka akan belayar ke mana saja dan singgah di pulau-pulau di situ seperti minum capuccino. Jarang Dr Mahathir mahu ke restoran tetapi lebih suka minum di cafe tepi pantai.

“Ketika belayar seperti inilah Perdana Menteri lazimnya meluangkan masa untuk menulis sendiri ucapannya. Mungkin kali ini, beliau turut menulis

ucapan untuk disampaikan pada majlis tertentu selepas ini.

“Beliau lebih suka suasana tenang untuk menulis mungkin kerana tiada gangguan daripada mana-mana pihak. Apabila menulis, beliau akan terus menulis dan kadangkala nampak macam berfikir panjang, mungkin memikirkan sesuatu idea,” katanya.

Dr Mahathir pernah bercuti sambil bekerja di kepulauan Mediterranean ketika melawat Vatican City, baru-baru ini dan ketika itulah beliau menulis ucapannya untuk disampaikan pada Perhimpunan Agung Umno minggu lalu yang bertemakan “Mendedah Yang Terbuka”.

Malah, satu sumber yang rapat dengan Dr Mahathir memberitahu bahawa ketika berada di kepulauan Mediterranean itulah Perdana Menteri membayangkan untuk ‘bercuti secara total’ selepas Perhimpunan Agung Umno kali ini.

Katanva, itu adalah bayangan yang paling hampir diluarkannya. Ketika itu, Dr Mahathir bersama rombongan berada dalam bot yang belayar di kepulauan Capri, Itali.

Pada akhir Perhimpunan Agung Umno Sabtu lalu, Dr Mahathir mengemparkan negara apabila mengumumkan peletakan jawatan dalam kerajaan dan parti. Bagaimanapun, hasratnya itu hanya akan dilaksanakan selepas Oktober tahun depan.